9 Rajah 2 menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

Buku Teks M/s 8



Rajah 2

Apakah **X**?

A Bendahari
B Orang Kaya
C Syahbandar
D Penghulu Bendahari

10 Bendahara berperanan penting dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Apakah peranan tersebut?

Buku Teks M/s 9

I Ketua pentadbir
II Pemangku sultan
III Menguruskan perbendaharaan
IV Mengutip cukai di kawasan pegangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Apakah kandungan Hukum Kanun Melaka dari aspek ekonomi?

Buku Teks M/s 10

A Amalan riba diharamkan
B Peniaga haruslah beragama Islam
C Amalan menukar barang dibenarkan
D Wanita tidak dibenarkan berurus niaga

12 Berdasarkan Fasal 9 dalam Undang-Undang Laut Melaka, apakah hukuman yang dikenakan kepada malim yang lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan?

Buku Teks M/s 11

A Dipenjarakan
B Dibuang negeri
C Dihukum bunuh
D Dilucutkan jawatan

13 Apakah peranan tokoh berikut?

Buku Teks M/s 11

Sultan Mahmud Shah

A Melantik Pembesar Berempat
B Memperkenalkan Hukum Kanun Melaka
C Memperkenankan Undang-Undang Laut Melaka
D Menjadi hakim yang menjatuhkan hukuman kepada pesalah

14 Golongan pemerintah terdiri daripada sultan, kerabat diraja dan pembesar. Apakah peranan pembesar sebagai golongan pemerintah?

Buku Teks M/s 12

A Menghadiri majlis-majlis umum
B Memperkenalkan undang-undang
C Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
D Bertanggungjawab terhadap kestabilan kerajaan

15 Pemerintah dan rakyat dihubungkaitkan melalui konsep

Buku Teks M/s 12

A kesetiaan
B waadat
C tulah
D titah

LIVEWORKSHEETS